


LAPORAN PROGRAM BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA

LAPORAN PROGRAM BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA

KANDUNGAN



KANDUNGAN

PERUTUSAN

PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA iv

KATA-KATA ALUAN

NAIB PRESIDEN, JABATAN PERANCANGAN BANDAR vi

LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG PROGRAM BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 1

PROGRAM DAN PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT

PROGRAM BIMBINGAN DAN KESEDARAN KE ARAH PERSEKITARAN BANDAR YANG SELAMAT 7

PROGRAM DAN AKTIVITI KEBERSIHAN, KAWALAN VEKTOR DAN PENYAKIT BERJANGKIT 39

PROGRAM DAN AKTIVITI KESIHATAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT 57

PROGRAM DAN AKTIVITI PENGAWALAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN 69

PROGRAM DAN AKTIVITI PENCEGAHAN JENAYAH, ANTI DADAH DAN PENCEGAHAN KEBAKARAN 75

PROGRAM DAN AKTIVITI KESELAMATAN JALAN RAYA 107

PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA 115

KESELAMATAN PERBANDARAN DI BAWAH INISIATIF BANDAR PINTAR PUTRAJAYA 141

PENGHARGAAN 147

PERUTUSAN
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah inayahnya pelaksanaan program Bandar Selamat Putrajaya telah dapat dilaksanakan sejak tahun 2010. Isu keselamatan merupakan agenda negara yang sangat penting dan turut diberi penekanan dalam semua perancangan pembangunan perbandaran dan petempatan baru. Kerajaan Malaysia sedar kesan jenayah bukan hanya memberi impak buruk kepada masyarakat malah ianya boleh menjejaskan ekonomi negara. Mesyuarat Jemaah Menteri Malaysia pada 28 Januari 2004 telah mencadangkan supaya diwujudkan bandar dan pekan yang selamat sebagai langkah mencegah jenayah. Selaras dengan matlamat tersebut, Program Bandar Selamat telah diwujudkan di bawah penyelarasan pihak PLAN Malaysia bagi dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Putrajaya.

Usaha memerangi jenayah khususnya di Putrajaya bukan hanya terletak di atas bahu Perbadanan Putrajaya selaku Pihak Berkuasa Tempatan dan juga di bahu Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sahaja bahkan semua agensi lain yang berkaitan. Perbadanan Putrajaya mensasarkan penglibatan pelbagai pihak membentuk satu pasukan yang komprehensif bagi memerangi jenayah dari pelbagai sudut. Justeru itu, Perbadanan Putrajaya telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya pada pertengahan tahun 2010.

Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat dianggotai oleh wakil-wakil daripada dua puluh lima (25) agensi dan bersidang sekali dalam tempoh 2 bulan. Semua pelaporan inisiatif program-program Bandar Selamat Putrajaya diangkat untuk perakuan mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya sebelum dikemukakan pelaporan berkenaan ke pihak PLAN Malaysia dan MAMPU.

Setelah lebih kurang 8 tahun pelaksanaan program Bandar Selamat Putrajaya dengan pelbagai usaha dijayakan, masih terdapat kebimbangan mengenai peningkatan jenayah. Sehubungan itu, saya ingin menyeru supaya semua usaha ke arah membenteras jenayah dan gejala sosial di Putrajaya ini dapat dipergiatkan untuk meletakkan Putrajaya sebagai salah satu bandar yang paling selamat di Malaysia.


Statistik jenayah di Putrajaya untuk tahun 2016-2017 menunjukkan terdapat pengurangan kes sebanyak 11 %. Kes jenayah di Putrajaya pada tahun 2016 ialah 288 kes dan pada tahun 2017 adalah 255 kes. Diharapkan *trend* ini berterusan dan dengan kadar jenayah di Putrajaya akan terus berkurangan. Kes demam Denggi pula meningkat sedikit daripada 524 kes pada tahun 2016 kepada 553 kes pada tahun 2017. Diharap pelbagai usaha lagi dapat diadakan secara berterusan untuk Program Bandar Selamat Putrajaya dan perlu juga dipastikan setiap perancangan projek dan program Bandar Selamat Putrajaya benar-benar menepati kehendak Warga Putrajaya. Selain itu Perbadanan Putrajaya juga sedang mengorak langkah ke arah Bandar Pintar. Penggunaan teknologi seperti CCTV dan semua kelengkapan sistem di *Putrajaya Command Centre* diharapkan dapat membantu kecekapan sistem keselamatan di Putrajaya.

Sistem GIS menyediakan *platform* pemantauan yang lebih berkesan. Maklumat seperti lokasi jenayah, analisis *hotspot* jenayah, analisis corak jenayah dan laporan statistik jenayah akan memudahkan PDRM merancang strategi pencegahan dan tindakan tepat contohnya penggunaan teknologi sistem pemetaan GIS bukan sahaja menyimpan maklumat secara digital tetapi juga mampu memaparkan analisis dan statistik yang jelas dan berkesan.

Saya mengambil maklum terdapat sebanyak 42 kelab rukun tetangga dan 21 Skim SRS pada masa ini di Putrajaya di bawah kelolaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Diharapkan pasukan ini juga dapat menggembeling tenaga sama-sama terlibat dalam Program Bandar Selamat Putrajaya.

Di sini saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan program Bandar Selamat Putrajaya sepanjang tempoh ini. Adalah menjadi harapan agar pelaksanaan program Bandar Selamat ini dapat dipertingkatkan lagi dengan pelbagai inisiatif dan inovasi untuk kepentingan warga Putrajaya seluruhnya pada masa kini dan akan datang.

Sekian, Wassalam.



.....

(DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL)

KATA-KATA ALUAN
NAIB PRESIDEN JABATAN PERANCANGAN BANDAR



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izinnya Urusetia Task Force Bandar Selamat Putrajaya telah berjaya menerbitkan Laporan Pelaksanaan Bandar Selamat Putrajaya. Syabas dan tahniah kepada pihak Urusetia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dan semua pihak terlibat dalam menjayakan program-program Bandar Selamat Putrajaya bertujuan untuk mengurangkan jenayah dan gejala-gejala sosial dan wabak penyakit yang boleh menjejaskan kesejahteraaan Warga Putrajaya.

Konsep Bandar Selamat merupakan satu pendekatan yang diambil bagi menyelesaikan isu keselamatan yang berlaku di dalam kawasan bandar. lanya merupakan sebahagian agenda konsep *liveable cities* yang memberi fokus utama kepada masalah jenayah di bandar. Konsep Bandar Selamat menjadi semakin penting apabila *UN-Habitat United Nations* menekankan kepentingannya pada tahun 1996 berikutan peningkatan kadar kes jenayah bandar di seluruh dunia. Keadaan ini memberi amaran kepada kita bahawa keselamatan di kawasan bandar kini kian terancam sedangkan keselamatan juga merupakan salah satu indikator penting bagi menjamin kualiti hidup masyarakat bandar.

Di Malaysia, pelaksanaan program Bandar Selamat telah menjadi salah satu agenda utama dalam pembangunan negara. Cogan-kata "Bandar Selamat, Rakyat Sejahtera" membawa maksud bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial, dan gangguan mental.

Ia juga ditakrifkan sebagai bandar yang sentiasa berada dalam keadaan terpelihara daripada segala gejala yang boleh mengancam kesejahteraan masyarakat. Tanpa aspek keselamatan dalam kehidupan bandar, adalah sukar bagi masyarakat untuk mencapai kesejahteraan hidup. Usaha ke arah mewujudkan Bandar Selamat telah pun dilaksanakan oleh beberapa badan bukan kerajaan seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia sejak awal tahun 90-an. Dijangkakan Bandar Selamat akan melahirkan sesuatu bentuk kehidupan komuniti sejahtera yang mantap dan lebih baik tanpa sebarang gangguan dan sekatan.

Program-program Bandar Selamat yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan di Malaysia termasuk di Putrajaya adalah bermatlamat untuk mewujudkan :-

- Bandar yang bebas dari keganasan (violence), kerosakan harta benda dan nyawa seperti gejala ragut, pecah rumah, kecurian dan sebagainya.
- Bandar yang bebas dari kemusnahan , wabak penyakit berjangkit dan penyakit merbahaya dan malapetaka ekoran bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh dan serangan wabak.
- Bandar yang bebas dari kemerosotan sosial dan moral (social and moral decay) seperti penagihan dadah, kecurian, jenayah kolar putih, rasuah, salah guna kuasa, hilang integriti dan sebagainya.
- Bandar yang bebas dari kemalangan dalam dan luar bangunan seperti kemalangan jalanraya, jatuh dari bangunan, kebakaran dan sebagainya.

Kaedah pelaksanaan Bandar Selamat menyediakan pilihan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan langkah Bandar Selamat mengikut kesesuaian setempat. Pada peringkat awal, sebanyak 39 Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf bandaraya dan perbandaran di Semenanjung Malaysia terlibat untuk melaksanakan langkah program Bandar Selamat. Tindakan mengaktifkan semula dan memperluaskan Program Bandar Selamat kepada 149 PBT di seluruh negara sedang dilaksanakan di samping penjenamaan semula *(rebranding)* di mana pengurangan dari 23 langkah Program Bandar Selamat 2004 kepada 15 langkah telah dilaksanakan di semua PBT bagi memudahkan pelaksanaan dan memberikan impak yang lebih berkesan.

Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan program-program Bandar Selamat sejak tahun 2010. Pelbagai program telah dilaksanakan sehingga kini oleh semua *Task Force* Bandar Selamat iaitu program-program di bawah pasukan *Task Force* 1 (Pencegahan Jenayah dan gejala sosial), *Task Force* 2 (Rekabentuk Persekitaran Bandar dan Perancangan), *Task Force* 3 (Infrastruktur dan ameniti, keselamatan jalanraya dan pendidikan kesedaran awam), dan *Task Force* (Pencegahan Denggi) di Putrajaya.

Selain daripada kepentingan untuk merancang perbandaran dan rekabentuk yang mematuhi kriteria CPTED *(crime prevention through environmental design)*, komuniti bandar perlu berinteraksi bagi meningkatkan tahap keselamatan para penghuninya. Perkara ini adalah asas begi pembentukan bandar selamat. Dalam salah satu kajian psikologi persekitaran didapati jenayah akan meningkat jika penduduk dalam sesebuah kejiranan tidak berinteraksi. Jadi untuk menjadikan sesebuah kejiranan selamat, kajian tersebut menekankan tiga perkara penting untuk mewujudkan suasana persekitaran selamat iaitu persempadanan yang jelas antara ruang awam dan persendirian, kepelbagaian kegunaan ruang dan tahap penggunaan laluan pejalan kaki yang tinggi. Perancangan yang sedemikian akan memudahkan pembentukan sebuah kejiranan bandar yang selamat. Gerakan bersama Warga Putrajaya menerusi konsep rukun tetangga dan rondaan sukarela juga diharapkan dapat membantu di samping usaha-usaha berterusan yang dilaksanakan oleh keempat-empat pasukan *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan penganjuran pelbagai program selama tempoh pelaksanaan Bandar Selamat Putrajaya. Diharapkan segala usaha ini akan memberi manfaat kepada warga Putrajaya dan meletakkan Putrajaya sebagai bandar yang paling selamat di Malaysia. Inshallah.

Akhir kata, setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan Program Bandar Selamat Putrajaya. Tidak lupa juga kepada semua rakan strategik yang terlibat memberi sumbangan dan komitmen kepada usaha ini.

Sekian, terima kasih.



.....
(DATO FADLUN BIN MAK UJUD)

LATAR BELAKANG PROGRAM BANDAR SELAMAT DI PUTRAJAYA


SEMINAR
PENGURUSAN
DISIPLIN MURID

LATAR BELAKANG

Program Bandar Selamat di Malaysia diwujudkan pada tahun 2004 di atas arahan kabinet yang bermesyuarat pada 28 Januari 2004. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diarahkan untuk menyediakan Program Bandar Selamat untuk mewujudkan alam persekitaran bandar yang lebih selamat. Majlis Negara untuk Kerajaan Tempatan pada Oktober 2004 mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) utama melaksanakan Program Bandar Selamat.





Sehingga tahun 2009, sebanyak 39 PBT bertaraf Bandaraya dan Perbandaran menyertai dan melaksanakan beberapa langkah PBS berdasarkan kepada tahap jenayah dan kemampuan kewangan PBT. Tiada peruntukan khusus PBS diadakan oleh KPKT dan PBT oleh kerana pelaksanaan langkah PBS perlu dijadikan sebagai sebahagian daripada fungsi sedia ada PBT seperti pembersihan kawasan semak, penyediaan kemudahan keselamatan serta kawasan landskap dan sebagainya.



Pada 4 September 2008, satu Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Bil. 7/2008 telah memutuskan supaya Cadangan Kajian Pelaksanaan Bandar Selamat Di Putrajaya perlu dijalankan secara dalaman oleh Perbadanan Putrajaya.

Program Bandar Selamat ini telah diberi keutamaan oleh Kerajaan di mana satu acara menandatangani perjanjian melaksanakan inisiatif Program Bandar Selamat di antara Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diadakan pada 19 November 2009.

LATAR BELAKANG PEMBENTUKAN JAWATAN KUASA PROGRAM BANDAR SELAMAT DI PUTRAJAYA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui surat bertarikh 25 Januari 2010 telah mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Perbadanan Putrajaya untuk melaksanakan inisiatif Program Bandar Selamat di Putrajaya. Sehubungan itu, Perbadanan Putrajaya telah menubuhkan Jawatankuasa Program Bandar Selamat.

Perbadanan Putrajaya telah mengambil inisiatif untuk menjalankan Bengkel Bandar Selamat pada 8 dan 9 Mei 2010 bagi mendapatkan input-input dari pihak JPBD Semenanjung Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan peserta-peserta bengkel bagi pelaksanaan Program Bandar Selamat di Putrajaya.

Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat Dan *Focus Group* Bandar Selamat Putrajaya Bil.1/2010 pertama kali bersidang pada 14 Julai 2010 dan secara rasminya tertubuhnya Jawatankuasa Program Bandar Selamat Putrajaya. Mesyuarat Jawatankuasa ini akan bersidang 6 kali dalam setahun untuk memberi pelaporan kepada ahli mesyuarat.





Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat Dan Focus Group Bandar Selamat Putrajaya

Carta Keahlian Jawatankuasa Program Bandar Selamat Dan *Focus Group* Bandar Selamat Putrajaya:

PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA (PENGERUSI)

↓

SETIAUSAHA PERBADANAN PUTRAJAYA (TIMBALAN PENGERUSI)

↓

NAIB PRESIDEN PERANCANGAN BANDAR (SETIAUSAHA)

↓

AHLI-AHLI JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT

- Kementerian Wilayah Persekutuan
- Kementerian Dalam Negeri
- Kementerian Belia dan Sukan Negara
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Perbadanan Putrajaya
- Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya
- Hospital Putrajaya
- Jabatan Kerja Raya Putrajaya (JKR)
- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional Putrajaya (JPNIN)
- Jabatan Pelajaran Putrajaya
- Jabatan Agama Islam W/P Putrajaya
- Jabatan Imigresen Putrajaya
- Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR)
- Jabatan Pendidikan W/P Putrajaya
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Daerah Putrajaya
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Plan Malaysia)

- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia (MAMPU)
- Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
- Agensi Antidadah Kebangsaan Putrajaya
- Angkatan Pertahanan Awam Daerah Putrajaya (APM)
- Pejabat RELA Daerah Putrajaya
- Pejabat Kesihatan Putrajaya
- Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)
- Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)
- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)
- Majlis Perwakilan Penduduk W/P Putrajaya (MPPWP
- Majlis Permuafakatan PIBG Sekolah-Sekolah Putrajaya
- Majlis Keselamatan Negara
- Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Kementerian Dalam Negeri
- Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri

LATAR BELAKANG PROGRAM BANDAR SELAMAT

Kajian semula Program Bandar Selamat sedia ada merupakan di antara aktiviti NKRA di bawah tindakan KPKT. JPBD bersama *stakeholders* Program Bandar Selamat di dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Program Bandar Selamat pada 29 - 30 Disember 2009 telah berbincang dan bersetuju untuk memantapkan 23 Langkah Pencegahan Jenayah 2004 kepada 15 Langkah.

Takrifan semula 15 Langkah Program Bandar Selamat bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan Program Bandar Selamat dengan memberi pilihan-pilihan kepada PBT untuk melaksanakan langkah-langkah bandar selamat mengikut kesesuaian setempat. Takrifan semula ini telah dipersetujui oleh semua PBT, PDRM, KDN, wakil makmal NKRA mengurangkan Jenayah dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan PBS 2004.

Takrifan semula Program Bandar Selamat 2010 mengandungi 3 Strategi dan 15 Langkah Pencegahan Jenayah. Bagaimanapun, Jawatankuasa Program Bandar Selamat Dan *Focus Group* Bandar Selamat Putrajaya telah memutuskan supaya membuat penambahan 5 langkah iaitu :

- Langkah 16 : Penerapan Konsep *Community Policing* Bagi Mengatasi Jenayah
- Langkah 17 : Program Pencegahan Jenayah
- Langkah 18 : Pengawalan Keselamatan Jalan Raya
- Langkah 19 : Pencegahan Gejala Sosial
- Langkah 20 : Pencegahan Denggi Di Putrajaya



Sebanyak 4 pasukan *Task Force* yang telah diwujudkan berteraskan 20 langkah. Setiap pasukan *Task Force* ini akan membentangkan pelaporan pelaksanaan langkah-langkah bandar selamat yang telah dilaksanakan oleh pasukan mereka pada Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat Dan *Focus Group* Bandar Selamat Putrajaya. Berikut merupakan senarai pasukan *Task Force* Program Bandar Selamat Putrajaya:

Task Force 1: Pencegahan Jenayah & Gejala Sosial	**Task Force 2: Reka Bentuk Persekitaran Yang Selamat**
Ketua Kumpulan: **Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya**	**Ketua Kumpulan:** **Jabatan Perancangan Bandar, PPj**
Langkah 14 : Meningkatkan Rondaan Di Kawasan Perumahan Langkah 16: Penerapan Konsep *Community Policing* Bagi Mengatasi Jenayah Langkah 17: Program Pencegahan Jenayah Langkah 19: Pencegahan Gejala Sosial	Langkah 2: Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Yang Selamat (CPTED) Langkah 3: Pemetaan GIS Jenayah Dan Program Bandar Selamat Langkah15: Agenda Tetap Dalam Mesyuarat Perbadanan Putrajaya
Task Force 3: Infrastruktur & Aminities Keselamatan Jalan Raya & Pendidikan Kesedaran Awam	**Task Force 4: Pencegahan Denggi Di Putrajaya**
Ketua Kumpulan: **Jabatan Kejuruteraan Dan Penyelenggaraan, PPj**	**Ketua Kumpulan:** **Pejabat Kesihatan WP Putrajaya**
Langkah 1: Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Dengan Laluan Bermotor Langkah 4: Penyediaan Balai Polis Tetap Atau Bergerak Langkah 5: Penyediaan Cermin Keselamatan Langkah 6: Penyediaan Papan Tanda Peringatan Jenayah Langkah 7: Penyediaan Penggera Keselamatan Langkah 8: Penyediaan Tempat Motosikal Berkunci Langkah 9: Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di Premis Perniagaan dan Tempat Awam Langkah 10: Pencahayaan Langkah 11: Laluan Awam Tidak Terlindung Dari Pandangan Awam Langkah 12: Penjanaan Aktiviti Bersesuaian Di Kawasan Terdedah Dengan Jenayah Langkah 13: Pendidikan, Kesedaran Awam Dan Publisiti Langkah 18: Pengawalan Keselamatan Jalan Raya	Langkah 20: Pencegahan Denggi Di Putrajaya Nota: Pasukan *Task Force* ini ditubuhkan atas inisiatif PPj untuk mengawal penularan wabak denggi di Putrajaya.

LIMA LANGKAH PELAKSANAAN SEGERA DI PERINGKAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pihak PLAN Malaysia selaku Urus Setia NKRA Program Bandar Selamat juga telah menggariskan 5 Langkah Pelaksanaan Segera untuk dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Perbadanan Putrajaya bagi mengurangkan jenayah iaitu ;

- **Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dengan Jalan Bermotor -** PBT akan mengenalpasti beberapa tumpuan kawasan awam seperti stesen bas dan rel disediakan bagi mengasingkan pejalan kaki dari laluan motor.

- **Penyediaan Bollard atau Rel Penghadang -** PBT akan menyediakan bollard atau rel penghadang di tempat-tempat tertentu bagi mengasingkan laluan pejalan kaki dengan laluan motosikal.

- **Membersihkan / Mengemas Kawasan-Kawasan Semak dan Terlindung** - Meningkatkan pembersihan di kawasan-kawasan kotor dan grafiti khususnya, di tempat-tempat awam seperti di sekitar laluan stesen bas, rel dan lorong-lorong tepi dan belakang premis perniagaan utama. Dengan demikian, tempat-tempat ini akan mudah diawasi oleh PBT dari aktiviti-aktiviti jenayah.

- **Memastikan Laluan Awam Tidak Terlindung Atau Terhalang Dari Pandangan Awam -** Jejantas tidak dipenuhi dengan papan-papan iklan yang boleh melindungi laluan dari pandangan awam. Ini memudahkan aktiviti jenayah ragut, aktiviti penagihan dadah dan sebagainya. Sebarang iklan di jejantas hendaklah di paras yang tidak menghalang penglihatan (seperti di paras bumbung).

- **Mencahayakan / Menerangkan Kawasan Gelap Yang Menjadi Sasaran Atau Tumpuan Penjenayah.** Memasang lampu di laluan jejantas, letak kereta, terowong dan sebagainya bagi memudahkan pengawasan. Semua premis perniagaan perlu memasang lampu di laluan kaki lima supaya mudah untuk diawasi dan tidak menjadi tempat yang mudah bagi peragut.



PROGRAM BIMBINGAN DAN KESEDARAN KE ARAH PERSEKITARAN BANDAR YANG SELAMAT


SEMINAR
PENGURUSAN
DISIPLIN MURID

FORUM BANDAR SELAMAT

Forum Bandar Selamat 2015 telah berlangsung pada 21 Oktober 2015 di Dewan Seri Cempaka, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini dijalankan oleh Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama IPD Putrajaya, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).



Terdapat 450 peserta yang terdiri dari Perwakilan MPPWPP, wakil Anak Syarikat PPj, Pemaju dan kakitangan PPj.

Program ini memberi panduan dan maklumat kepada pihak awam, komuniti dan agensi berkaitan mengenai peranan mereka untuk membangunkan Putrajaya ke arah Bandar Selamat yang bebas dari jenayah dan sifar kemalangan jalan raya.









Forum Bertemakan "Putrajaya Ke Arah Bandar Sifar Jenayah Menjelang 2018 dan Sifar Kemalangan Maut". "















Pameran Dan Publisiti Dijalankan Untuk Memberi Penerangan Kepada Orang Ramai

PROGRAM KESEDARAN BAGI PELAJAR PEREMPUAN SEKOLAH MENENGAH BERTEMA "PERISAI BUAT PUTERI"

Program Perisai Buat Puteri telah diadakan pada14 Jun 2016 di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini dilaksanakan oleh Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan W/P Putrajaya. Seramai 400 peserta yang terdiri dari pelajar perempuan bagi Sekolah Menengah Kebangsaan di Putrajaya telah menghadiri program ini.

Program ini telah memberi kesedaran kepada para pelajar perempuan sebagai persediaan dan peningkatan jati diri dalam mengharungi arus kehidupan. Program ini juga memberi kesedaran kepada para pelajar perempuan agar tidak mudah terpedaya dengan aliran dan rentak kehidupan masa kini serta mudah terjerat ke lembah kemaksiatan. Selain itu, ia juga dapat melahirkan kekuatan jati diri para remaja agar tidak mempersia-siakan pengajian, kerjaya mahupun kehidupan mereka hanya kerana kekecewaaan dalam suatu perhubungan.

Program jati diri remaja ini secara tidak langsung dapat memantapkan lagi sahsiah para pelajar remaja perempuan di Putrajaya.



Sesi Berkongsi Pengalaman Dari Penceramah dan "Co-Speaker"









Sesi Taklimat Dan Penerangan Semasa Program "Perisai Buat Puteri"





Sesi Berdialog Dan Berkongsi Pengalaman Dengan Pelajar-Pelajar





Sesi Soal Jawab Semasa Program "Perisai Buat Puteri"

PROGRAM KESEDARAN BAGI REMAJA LELAKI SEKOLAH MENENGAH BERTEMA "RECHARGE PUTERA KU !"

Program Recharge Putera Ku telah berlangsung pada 16 Jun 2016 di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini dilaksanakan oleh Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan W/P Putrajaya. Terdapat seramai 400 peserta yang terdiri dari pelajar-pelajar lelaki Sekolah Menengah Kebangsaan di Putrajaya.

Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada para pelajar lelaki sebagai persediaan dan peningkatan jati diri dalam melangkah ke arah remaja. Program ini juga memberi kesedaran kepada para pelajar lelaki agar tidak mudah terpedaya dengan aliran dan rentak kehidupan masa kini serta mudah terjerat ke lembah kemaksiatan. Selain dari itu, program ini dapat melahirkan kekuatan dalam jati diri para remaja agar tidak mempersia-siakan pengajian, kerjaya mahupun kehidupan mereka hanya kerana kekecewaaan dalam suatu perhubungan.





Sesi Taklimat Dan Penerangan Program "Recharge Puteraku"

Sesi Berkongsi Pengalaman Dari Penceramah dan "Co-Speaker"







Sesi Berdialog Dan Berkongsi Pengalaman Dengan Pelajar-Pelajar Lelaki



Sesi Soal Jawab Semasa Program "Recharge Putera Ku"

PROGRAM *HANDS-ON* CPR & AED BERSEMPENA KEMPEN KOMUNITI CPR & AED PUTRAJAYA 2016

Program *Hands-On* CPR & AED Bersempena Kempen Komuniti CPR & AED Putrajaya 2016 telah berlangsung pada 8 September 2016 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Program ini dijalankan oleh Urus Setia Task Force Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital.

Seramai 250 peserta yang terdiri dari Majlis Perwakilan Penduduk Putrajaya (MPP), wakil Anak Syarikat PPj, Pemaju dan kakitangan Perbadanan Putrajaya telah menghadiri program ini.

Bengkel ini memberi pendedahan asas kepada masyarakat supaya lebih bersedia sekiranya terdapat individu yang perlu mendapatkan rawatan dengan teknik *Cardio-Pulmunary Resuscitation* (CPR) atau *Automated External Defibrillator* (AED) dengan kadar segera sebelum dibawa ke Pusat Perubatan untuk mendapat rawatan.

Bengkel ini juga memberi maklumat dan panduan kepada pihak awam berhubung petanda-petanda pesakit yang tercekik atau mengalami sakit jantung dan teknik-teknik yang perlu dibuat untuk menghadapi situasi kritikal ini.



BENGKEL *CPR & AED FRIENDLY COMMUNITY* PUTRAJAYA



Sesi taklimat Oleh Pegawai-Pegawai Dari Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Putrajaya



Sesi Latihan Amali Kaedah Rawatan Menggunakan Teknik CPR dan AED

SEMINAR SEKOLAH SELAMAT BERTEMAKAN "SEKOLAH KU SELAMAT, WARGA KU CERIA SEJAHTERA"

Program Seminar Sekolah Selamat Bertemakan "Sekolah Ku Selamat, Warga Ku Ceria Sejahtera" Peringkat W/P Putrajaya telah berlangsung pada 30 Mac 2017 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini telah dilaksanakan oleh Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Seramai 450 peserta yang terdiri dari Kakitangan PPj, Kakitangan JPWPP, Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru, Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) Sekolah-Sekolah, MPPWPP, Ahli J/K Program Bandar Selamat Putrajaya, Pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah Putrajaya.



Penganjuran Seminar Sekolah Selamat ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran berhubung langkah-langkah yang perlu diberi perhatian dan dilaksanakan untuk mewujudkan suasana Sekolah Selamat di Putrajaya khususnya pada waktu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Perbadanan Putrajaya melalui *Task Force* Bandar Selamat akan terus memberi kerjasama dan penekanan bagi memastikan persekitaran sekolah-sekolah Putrajaya sentiasa selamat dari segi fizikal dan kesan dari gejala sosial yang negatif.

SEMINAR SEKOLAH SELAMAT BERTEMAKAN "SEKOLAH KU SELAMAT, WARGA KU CERIA SEJAHTERA"









Seminar Sekolah Selamat Bertemakan "Sekolah Ku Selamat, Warga Ku Ceria Sejahtera"









Pameran Dan Publisiti Dilaksanakan Untuk Memberi Penerangan Kepada Orang Ramai



Pemeriksaan Dan Saringan Kesihatan Secara Percuma

SEMINAR STOP!
(SEKELUARGA TOLAK PORNOGRAFI)

Program Seminar SToP telah berlangsung pada 28 April 2017 di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini dilaksanakan oleh Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Program ini telah dihadiri 300 peserta yang terdiri dari Kakitangan PPj, PIBG Sekolah-Sekolah Putrajaya, Pelajar-Pelajar Sekolah, Ahli J/K Program Bandar Selamat Putrajaya dan Wakil Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Penganjuran Seminar SToP adalah bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat dan keluarga akan bahaya pornografi di samping mendidik masyarakat dan keluarga agar menghindari pornografi. Selain itu, seminar ini juga bertujuan membantu ibu bapa agar dapat mengenalpasti kaedah terbaik menangani dan menghindarkan gejala pornografi daripada mempengaruhi anak-anak remaja.

Pornografi juga merupakan gejala sosial yang boleh menjejaskan moral dan akhlak masyarakat.















Sesi ceramah Dari Panel Jemputan.









Pameran dan Publisiti Kepada Pihak Awam

PROGRAM KESEDARAN BAGI PELAJAR LELAKI SEKOLAH MENENGAH, "RECHARGE PUTERA KU !" SIRI KE-2

Program Recharge Putera Ku telah diadakan pada 20 Jun 2017 di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini dilaksanakan oleh Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan W/P Putrajaya dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Seramai 420 peserta yang terdiri dari pelajar-pelajar lelaki Sekolah Menengah Kebangsaan di Putrajaya.

Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada para pelajar lelaki sebagai persediaan dan peningkatan jati diri dalam kehidupan masa kini. Program ini juga memberi kesedaran kepada para pelajar lelaki agar tidak mudah terpedaya dengan aliran dan rentak kehidupan masa kini serta mudah terjerat ke lembah kemaksiatan. Selain dari itu, program ini dapat melahirkan kekuatan dalam jati diri para remaja lelaki agar tidak mempersia-siakan pengajian dan kerjaya mahupun kehidupan di sebabkan masalah-masalah remeh-temeh seperti putus cinta dan lain-lain.





Sesi Taklimat Dan Penerangan Program "Recharge Puteraku"





Sesi Berkongsi Pengalaman Dari Penceramah dan "Co-Speaker"





Sesi Berdialog Dan Berkongsi Pengalaman Dengan Pelajar-Pelajar Lelaki





Sesi Soal Jawab Semasa Program "Recharge Putera Ku"

PROGRAM KESEDARAN BAGI PELAJAR PEREMPUAN SEKOLAH MENENGAH, "PERISAI BUAT PUTERI" SIRI KE-2

Program Perisai Buat Puteri Siri Ke-2 telah diadakan pada 21 Jun 2017 di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini dilaksanakan oleh Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan W/P Putrajaya dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terdapat seramai 415 peserta yang terdiri dari pelajar perempuan bagi Sekolah Menengah Kebangsaan di Putrajaya.

Program ini memberi kesedaran kepada para pelajar perempuan sebagai persediaan menempuhi cabaran alam remaja. Program ini juga memberi kesedaran kepada para pelajar perempuan agar tidak mudah terpedaya dengan aliran dan rentak kehidupan masa kini serta mudah terjerat ke lembah kemaksiatan. Selain itu, ia juga dapat melahirkan kekuatan jati diri para remaja perempuan agar tidak mempersia-siakan peluang pengajian demi kerjaya masa hadapan tanpa melengahkan waktu remaja dengan gejala sosial yang tidak berfaedah.





Sesi Taklimat Oleh Penceramah Utama Semasa Program "Perisai Buat Puteri"







Sesi Berkongsi Pengalaman Dari Penceramah dan "Co-Speaker"



Sesi Berdialog Dan Berkongsi Pengalaman Dengan Pelajar-Pelajar







Sesi Soal Jawab Semasa Program "Perisai Buat Puteri"

SEMINAR PENGURUSAN DISIPLIN MURID PERINGKAT W/P PUTRAJAYA

Seminar Pengurusan Disiplin Murid Peringkat W/P Putrajaya telah diadakan pada 2 Ogos 2017 di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini dijalankan oleh Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Terdapat 100 peserta yang terdiri dari Kakitangan PPj, Kakitangan JPWPP, Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru, Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) Sekolah-Sekolah, MPPWPP & Ahli J/K Program Bandar Selamat Putrajaya.



Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan kepada pihak pengurusan dan pentadbir sekolah supaya pengurusan disiplin murid yang berkesan dijadikan agenda utama dalam semua bentuk pendidikan di sekolah. Selain itu, ia memberi pengetahuan bagi membimbing dan menasihati murid bagi mematuhi tatacara tindakan disiplin pelajar-pelajar di sekolah.



Sesi Berkongsi Pengalaman Dari Penceramah



Pengajaran Teknik Pertahanan Diri Sekiranya Terdapat Kes Buli

TAKLIMAT BERHUBUNG ANCAMAN MILITAN DAESH DI MALAYSIA

Taklimat Ancaman Militan "DAESH" Di Malaysia Sempena Majlis Perhimpunan Bersama Presiden Perbadanan Putrajaya telah berlangsung pada 7 september 2017 di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini dilaksanakan oleh Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Kaunter Terrorism, Cawangan Khas Polis Bukit Aman dan Majlis Keselamatan Negara, JPM. Seramai 700 peserta yang terdiri dari pihak pengurusan dan kakitangan perbadanan Putrajaya telah hadir.

Taklimat ini memberi penjelasan mengenai ancaman militan "DAESH" yang kian menular dalam masyarakat dunia masa kini. Melalui taklimat ini, warga PPJ telah didedahkan dengan kaedah perjuangan sesat kumpulan militan serta cara untuk menghindarkan masyarakat terpengaruh dari menyertai kumpulan militan ini.



Sesi taklimat oleh Dato' Ayob Khan Mydin Pitchay berhubung acaman militan "DAESH" pada 7 September 2017.



Sesi taklimat oleh Dato' Ayob Khan Mydin Pitchay berhubung Ancaman Militan "DAESH" di Malaysia

PROGRAM & AKTIVITI KEBERSIHAN, KAWALAN VEKTOR DAN PENYAKIT BERJANGKIT



MINI KONVENSYEN COMBI TAPAK BINA PUTRAJAYA

Mini Konvensyen Combi Tapak Bina Putrajaya telah berlangsung pada 8 November 2017 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini yang bertema "Bersama Menghapus Aedes" dilaksanakan oleh Pejabat Kesihatan W/P Putrajaya dengan Perbadanan Putarjaya, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya Holdings sdn. Bhd dan CIDB Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Terdapat 500 peserta telah menyertai mini konvensyen ini.

Mini Konvensyen COMBI Tapak Bina W/P Putrajaya diadakan bertujuan untuk meningkatkan penyertaan syarikat tapak bina di Putrajaya dalam program COMBI Tapak Bina W/P Putrajaya, disamping meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab syarikat tapak bina dalam memastikan tapak binaan bebas dari pembiakan jentik-jentik Aedes.








Sesi Taklimat Dan Penerangan Kepada Peserta COMBI Tapak Bina




Pameran COMBI Tapak Bina

PROGRAM KELESTARIAN COMBI *(COMMUNICATION FOR BEHAVIOURAL IMPACT)* DENGGI

Program Kelestarian COMBI *(Communication COMBI Behavioural Impact)* Denggi telah diadakan pada 27 Julai 2016 di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putarajaya. Program ini dilaksanakan oleh Urus Setia *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Pejabat Kesihatan W/P Putrajaya. Seramai 250 peserta yang terdiri dari Perwakilan MPPWPP, wakil Anak Syarikat PPj, Pemaju dan kakitangan PPj telah menghadiri program ini.





Program ini memberi panduan dan maklumat kepada pihak awam, komuniti dan agensi berkaitan mengenai peranan mereka dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek COMBI dalam usaha mencegah dan mengawal kes demam denggi di Putrajaya.

Program ini juga memberi penerangan berhubung petanda-petanda yang akan dialami oleh pesakit yang mengalami wabak Denggi dan langkah-langkah kawalan yang perlu dilaksanakan.



Pemeriksaan dan saringan kesihatan secara percuma







Sesi taklimat berhubung Program Kelestrian COMBI



Pameran Dan Penerangan Berhubung Program Membanteras Denggi



GOTONG-ROYONG BERSAMA KOMUNITI BAGI KAWALAN WABAK DENGGI

Program gotong-royong Kawalan Wabak Denggi telah diadakan sepanjang tahun di keseluruhan kawasan Putrajaya. Program ini dilaksanakan oleh *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Putrajaya, Majlis Perwakilan Penduduk W/P dan Persatuan Penduduk di Putrajaya.

Program ini bertujuan untuk membasmi tempat pembiakan nyamuk Aedes melalui pemusnahan tempat-tempat dan sarang pembiakan nyamuk.







GOTONG-ROYONG MEGA KAWALAN DENGGI DI PANGSAPURI PUTRA HARMONI, PRESINT 9, PUTRAJAYA

Gotong-royong Mega Kawalan Denggi Pangsapuri Putra Harmoni, Presint 9, Putrajaya telah diadakan pada 16 April 2017 di Pangsapuri Putra Harmoni, Presint 9, Putrajaya. Program gotong-royong ini telah dianjurkan oleh Pejabat Kesihatan W/P Putrajaya dengan kerjasama Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, Pejabat Kesihatan Putrajaya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya, Ibu Pejabat Polis Putrajaya, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP), Alam Flora Sdn Bhd, Majlis Perwakilan Penduduk Subzon D dan komuniti Pangsapuri Putra Harmoni.



Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan. Seramai 300 orang dari pelbagai agensi telah menghadiri program gotong royong ini.



Program gotong-royong ini telah diadakan secara berkala dengan penglibatan pelbagai agensi bertujuan menangani wabak denggi di lokasi yang telah menjadi *Hotspot* iaitu tempoh wabak denggi yang telah melebihi 30 hari dengan jumlah kes denggi seramai 29 orang. Program ini dapat memberi kesedaran kepada komuniti setempat akan kepentingan untuk menjaga kebersihan sekeliling dan bersikap lebih proaktif dalam pencegahan denggi.











Kerja-kerja gotong royong turut dibantu oleh Jabatan Bomba Putrajaya.

PENYERTAAN SUKARELAWAN (VOLUNTEER) BAGI AKTIVITI KAWALAN DENGGI DI PUTRAJAYA

Penyertaan (*Volunteer for Putrajaya)* bagi Aktiviti Kawalan Denggi Di Putrajaya telah diadakan dari bulan Ogos hingga Oktober 2017 di sekitar Putrajaya. Program ini dilaksanakan oleh *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Putrajaya serta pelajar sekolah dan pihak awam yang menjadi sukarelawan.







Peserta Program (Volunteer for Putrajaya) sedang membersihkan persekitaran kawasan berkaitan.

CERAMAH PENCEGAHAN AEDES DI SEKOLAH

Ceramah Pencegahan Aedes Di Sekolah telah berlangsung pada 12 April 2017 di SMK P5 (1), 24 Mei 2017 di SK P11 (1) dan 15 November 2017 di SK P9 (2) Putrajaya.

Program ini dilaksanakan oleh *Task Force* Bandar Selamat Putrajaya dengan kerjasama Pejabat Kesihatan W/P Putrajaya. Sejumlah 600 orang peserta yang menyertai ceramah ini.







PAMERAN 3R SEMPENA *EXPLORACE* TASIK DI WETLAND PUTRAJAYA

Pameran 3R Sempena *Explorace* telah diadakan pada 4 April 2017 di Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya. Sejumlah 300 peserta terlibat menjayakan pameran ini.

Pameran ini bertujuan untuk memberi informasi dan bimbingan berhubung aktiviti kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.



PAMERAN 3R KOMUNITI

Pameran 3R Komuniti 8R2 telah berlangsung pada 22 April 2017 dengan kerjasama Komuniti Presint 8, Putrajaya. Sejumlah 350 orang peserta terlibat menjayakan pameran ini.

Pameran ini bertujuan untuk memberi informasi dan bimbingan kepada pihak komuniti berhubung aktiviti kitar semula yang dijalankan di Putrajaya.







OPS SESAK (PEMANTAUAN WARGA ASING DI KAWASAN PERUMAHAN APARTMENT PUTRA HARMONI, PRESINT 9)

Operasi OPS SESAK telah dilaksanakan bertujuan untuk memantau warga asing pada 30 November 2017 di kawasan perumahan Apartmen Putra Harmoni, Presint 9, Putrajaya. Operasi ini dilaksanakan oleh *Task Force* Bandar Selamat dengan kerjasama Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Imigresen. Sejumlah 41 premis telah diperiksa dan jumlah tahanan diperiksa adalah sejumlah 198 orang.

Melalui operasi ini, diharapkan isu warga asing yang menduduki sesuatu kediaman sehingga berkeadaan sesak dan menimbulkan isu kebersihan serta kesihatan di kawasan perumahan dapat ditangani sepenuhnya.











Operasi OPS Sesak di Apartment Putra Harmoni Presint 9 pada 30 november 2017.


PROGRAM
RIBENA
MERAH

PERBADANAN PUTRAJAYA

BANDAR SELAMAT

PROGRAM & AKTIVITI KESIHATAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT

SEMINAR SAYANG KAMU 400%

Program Seminar Sayang Kamu 400% telah dianjurkan oleh Pejabat Kesihatan W/P Putrajaya pada 19 November 2015 dengan kerjasama PIBG Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8 (1) bagi menangani permasaalahan berkaitan kesihatan dan keselamatan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun di WP Putrajaya. Program yang berjalan selama dua hari bermula pada 18 hingga 19 November 2015 telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor Menteri Wilayah Persekutuan.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada komuniti setempat khususnya ibu bapa dalam menitikberatkan isu kesihatan dan keselamatan kanak-kanak yang berusia bawah 5 tahun.



PENGANUGERAHAN SIJIL BeSS (BERSIH, SIHAT DAN SELAMAT)

Penganugerahan Sijil BeSS (Bersih, Sihat dan Selamat) telah dianjurkan oleh Pejabat Kesihatan pada 19 November 2015, bertempat di Auditorium Pejabat Kesihatan WP Putrajaya. Penganugerahan ini diberi kepada pembimbing dan pemilik premis makanan sekitar WP Putrajaya. Seramai 8 orang pemilik premis makanan telah dianugerahkan Sijil BeSS.

Penganugerahan ini diadakan bagi mengiktiraf para pengendali dan pemilik premis makanan di WP Putrajaya dalam usaha mengamalkan etika keselamatan dan kebersihan dalam penyediaan makanan yang bersih, sihat dan selamat kepada pelanggan. Penganugerahan dibuat berdasarkan kepada pemantauan dan penilaian mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Premis yang memiliki Sijil BeSS boleh meningkatkan kepercayaan kepada pelanggan serta menggalakkan para pelanggan memilih premis makan yang bersih, sihat dan selamat.



SEMINAR HARI KESIHATAN TIBI & SARINGAN KESIHATAN

Program Hari Kesihatan Tibi & Saringan Kesihatan bersama komuniti setempat yang telah dijalankan pada 23 Oktober 2016 bertempat di Apartment Putra Harmoni, Presint 9. Dianggarkan seramai 300 orang peserta telah hadir pada program tersebut.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran kepada komuniti setempat tentang penyakit tibi dan cara penyakit ini dijangkiti. Komuniti juga telah memanafaatkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan yang diberikan secara percuma di program tersebut.









NAK SIHAT GEGAR MERDEKA DAN KARNIVAL MPPWP SUBZON E, PUTRAJAYA

Program Kem Nak Sihat Gegar Merdeka & Karnival MPPWP Subzon E Putrajaya 2016 telah berlangsung pada 3 September 2016 di perkarangan gelanggang futsal Jalan P9G, Presint 9. Program ini dianjurkan oleh Pejabat Kesihatan W/P Putrajaya dengan kerjasama Perbadanan Putrajayay, komuniti dan beberapa agensi lain yang berkaitan.

Antara pengisian program adalah seperti aktiviti berjalan kaki 10,000 langkah, kayuhan sihat, saringan kesihatan percuma, sukan rakyat dan pameran kesihatan.

Program ini bertujuan untuk menggalakkan komuniti khususnya di WP Putrajaya mengamalkan budaya hidup sihat seperti aktiviti 10,000 langkah, selain mempromosikan kempen cara hidup sihat dengan mewujudkan suasana *Every Sector Is Health Sector*. Program ini juga mengeratkan talian silaturahim di kalangan komuniti yang hadir.



PEMASANGAN *SIGNAGE* TREK 10,000 LANGKAH KOSPEN, PRESINT 8

Pemasangan signage bagi Trek 10, 000 Langkah Kospen Presint 8 laluan tepi tasik yang bermula di Kelab Tasik Putrajaya, Presint 8, telah dijalankan pada 13 Januari 2017 serta mendapat kerjasama daripada pihak LA21 dan Perbadanan Putrajaya.

Signage Trek 10,000 langkah dipasang bertujuan untuk menggalakkan masyarakat Putrajaya menjalani kehidupan yang lebih sihat dan cergas iaitu melakukan aktiviti berjalan kaki 10,000 langkah sehari dan seterusnya mengurang risiko penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, diabetes, hipertensi dan penyakit jantung.







PROGRAM RIBEN MERAH PERINGKAT W/P PUTRAJAYA

Program Riben Merah peringkat WP Putrajaya tahun 2017 telah dilaksanakan oleh Pejabat Kesihatan W/P Putrajaya. Program ini telah dilaksanakan pada 23 Mei 2017 di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya. Seramai 500 orang telah hadir yang terdiri daripada pelajar, guru serta anggota kesihatan. Antara pengisian program termasuklah ceramah kesihatan oleh penceramah jemputan, kuiz dan pameran kesihatan oleh Pejabat Kesihatan Putrajaya.

Program Riben Merah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terutama kepada golongan remaja sekolah tentang bahaya penyakit HIV dan AIDS serta langkah-langkah pencegahan penyakit ini yang perlu diketahui dan dititikberatkan memandangkan alam remaja adalah alam yang gemar mencuba dan mudah terpengaruh. Selain itu, program ini juga telah mengajar peserta untuk tidak bersikap diskriminasi terhadap pesakit HIV dan AIDS serta stigma yang perlu dihapuskan dalam masyarakat.









PROGRAM GEGAR 10,000 LANGKAH MERDEKA







Program Gegar 10 000 Langkah Merdeka telah dianjurkan pada 10 September 2017 di Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(1). Program ini telah disertai seramai 3,000 orang peserta acara berjalan kaki dan berbasikal yang melibatkan laluan di sepanjang tasik Presint 8. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr Hilmi Bin Haji Yahaya selaku Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.

Program ini adalah salah satu usaha bagi menggalakkan komuniti khususnya komuniti WP Putrajaya untuk mengamalkan budaya hidup sihat dengan mengamalkan aktiviti 10,000 langkah sehari selain mempromosikan kempen cara hidup sihat dengan mewujudkan suasana *Every Sector Is Health Sector.*



PROGRAM KEM NAK SIHAT *LET'S SAVES LIVE CHARITY FUN 2017*







Program Kem Nak Sihat *Let's Saves Live Charity Fun 2017* telah dianjurkan pada 8 Oktober 2017 bertempat di Laman 1 Malaysia, Presint 2. Lebih kurang 2,000 orang peserta telah menyertai aktiviti ini. Program telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr Hilmi Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia. Pelbagai aktiviti kesihatan telah disediakan seperti *aerodance*, pameran kesihatan, pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan gigi, kuiz dan demo masakan sihat.

Program ini merupakan kempen cara hidup sihat dan dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran kepada masyarakat untuk sentiasa mengamalkan budaya hidup sihat iaitu makan secara sihat, melakukan aktiviti fizikal penjagaan gigi yang betul, tidak merokok dan kesihatan mental.



PENUBUHAN PUSAT PEMERIKSAAN KESIHATAN PENJAWAT AWAM (PPKPA) DI PRESINT 3, PUTRAJAYA

Pusat Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam (PPKPA) yang beroperasi di Aras 1, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, diwujudkan bagi memberi kemudahan kepada penjawat awam berumur 40 tahun dan ke atas menjalankan pemeriksaan kesihatan. Perasmian PPKPA telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg Tan Sri Dr. Ali Bin Hamsa pada 3 Mac 2014.

Pusat Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam (PPKPA) memberi kemudahan kepada para penjawat awam yang bertugas di WP Putrajaya serta berumur 40 tahun dan ke atas, menjalani ujian saringan kesihatan dan status kesihatan mereka dapat dipantau dengan sewajarnya. Pemeriksaan dijalankan mengikut temujanji tanpa perlu bersesak-sesak bersama pelanggan lain yang ingin mendapatkan rawatan di klinik kesihatan biasa.









PENUBUHAN PUSAT PEMERIKSAAN KESIHATAN WANITA PUSPANITA (PPKWP) DI PRESINT 10, PUTRAJAYA









Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita PUSPANITA (PPKWP) telah ditubuhkan di Puspanita Puri, Presint 10, Putrajaya bagi memberi kemudahan kepada semua kaum wanita menjalankan pemeriksaan kesihatan. Perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa pada 9 April 2014.

Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita Puspanita (PPKWP) memberi kemudahan kepada semua kaum wanita di WP Putrajaya memeriksa status kesihatan mereka serta mendapatkan khidmat kaunseling bagi penjagaan dan pencegahan penyakit khusus bagi kaum wanita. Pemeriksaan kesihatan dijalankan mengikut temujanji.


Majlis
HAN MEDAN SELERA BERSIH
KAT PUTRAJAYA 2017
PERTAMA
RM1000
Sijil Penghargaan
MEDAN SELERA LAMAN PERDANA
PUTRAJAYA
PEMENANG
Majlis
PENGANUGERAHAN MEDAN SELERA BE
PERINGKAT PUTRAJAYA 2017

PROGRAM & AKTIVITI PENGAWALAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

OPERASI PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN BERSEPADU (TUPA) BERSAMA DATUK SERI PRESIDEN DAN MEDIA

Operasi Pemeriksaan Premis Makanan Bersepadu (TUPA) Bersama Datuk Seri Presiden Dan Media telah diadakan oleh *Task Force* Bandar Selamat dengan kerjasama pada pada 22 Mei 2017 di Presint 8, 14 September 2017 di Presint 9,19 Oktober 2017 di Presint 11 dan 19 Disember 2017 di Presint 15, Putrajaya. Sejumlah 190 orang kakitangan yang terlibat dalam operasi pemeriksaan premis makanan di Putrajaya secara keseluruhannya.

Operasi pemeriksaan ini dijalankan bagi memastikan premis-premis makanan di Putrajaya mematuhi peraturan bagi menyediakan makanan yang bersih dan selamat untuk dimakan oleh pelanggan.







ANUGERAH MEDAN SELERA BERSIH PERINGKAT PUTRAJAYA

Anugerah Medan Selera Bersih Peringkat Putrajaya telah diadakan pada 27 Julai 2017 di Kompleks Perbadanan Putrajaya. Sejumlah 200 orang peserta yang terlibat.







ANUGERAH KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN 2017 PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

Anugerah Keselamatan Dan Kualiti Makanan 2017 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya telah dilaksanakan pada 9 November 2017 di Menara Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur. Sejumlah 500 orang peserta yang terlibat. Anugerah ini bertujuan untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha makanan di Putrajaya mengutamakan keselamatan dan kualiti makanan di premis-premis makanan mereka.







PAMERAN 3R PERINGKAT KOMUNITI SEMPENA KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN

Pameran 3R Peringkat Komuniti Sempena Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan telah diadakan pada 15 Januari 2017 di Presint 3 (hadapan Perbadanan Putrajaya). Sejumlah 1,000 orang peserta terlibat menjayakan pameran ini.









PROGRAM & AKTIVITI PENCEGAHAN JENAYAH, ANTI DADAH DAN PENCEGAHAN KEBAKARAN

PROGRAM *TALK TO US* AMANITA IPD PUTRAJAYA

PROGRAM *TALK TO US* AMANITA PUTRAJAYA IPD Putrajaya telah dilaksanakan pada 26 Oktober 2016, Sempena Seminar Sekolah Selamat Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya. AMANITA Putrajaya telah mengadakan Program *Talk to Us* di Lobi Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Inspektor Raja Norazimah Binti Raja Yunus bersama dengan 3 Pegawai Rendah Polis telah berjumpa dan memberi penerangan tentang peranan dan fungsi AMANITA kepada penduduk Putrajaya khususnya kaum wanita. Selain pengedaran risalah, kaum wanita yang ditemui telah diberikan tips-tips keselamatan untuk perlindungan diri, keluarga dan masyarakat sekeliling. Kaum wanita yang ditemui berharap lebih banyak maklumat mengenai AMANITA dapat disalurkan dengan lebih berkesan.







PROGRAM JOM RONDA 5.0 DI PRESINT 4, PUTRAJAYA

Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Putrajaya bersama Kawasan Rukun Tetangga P14C2 Presint 14 dan telah menjemput pihak IPD Putrajaya untuk turut serta melaksanakan perasmian Program Jom Ronda 5.0 dan Kempen keselamatan Kejiranan 2016 Putrajaya IPD Putrajaya pada 29 Mei 2016.
Program Jom Ronda 5.0 dan Kempen keselamatan Kejiranan 2016 Putrajaya telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Putrajaya.





Seramai 40 orang yang hadir terdiri daripada AJK-AJK Komuniti Presint 14 serta penduduk Presint 14. Program ini diadakan bertujuan bagi merapatkan hubungan silaturrahim antara komuniti dan PDRM, memberi pendedahan berkaitan keselamatan penduduk serta merasmikan Skim Ronda Sukarela (SRS) penduduk Presint 14C2. Program tersebut berjalan dengan lancarnya dan disambut baik oleh Komuniti Presint 14 dan berharap akan mengadakan lagi Program Jom Ronda 5.0 secara besar-besaran dan serentak di semua kuarters kerajaan dengan kerjasama dari pihak PDRM dilakuan di masa akan datang.



PROGRAM JOM RONDA 6.0 DI PRESINT 18, PUTRAJAYA

IPD Putrajaya, YDH ACP Rosly Bin Hassan, Ketua Polis Daerah Putrajaya telah menyampaikan taklimat keselamatan disamping menyempurnakan penyerahan Baju Keselamatan anggota-anggota SRS yang terdiri daripada kalangan komuniti 9 September 2017.

Antara yang hadir ke program tersebut adalah Puan Aziza Binti Mohd Rawi, Timbalan Pengarah JPNIN Putrajaya, Encik Razak Bin Arif, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Subzon K, Encik Kamaruzaman Bin Hashim, Pengerusi KRT 18R12, Encik Mohd Nasharuddin Bin Hashim, Pengerusi KRT 18R13, Encik Samardi Bin Arshad, Pegawai Jabatan Agama Wilayah Persekutuaan serta Pegawai Kanan dan Pegawai Rendah Polis IPD Putrajaya. Program diteruskan dengan rondaan bersama SRS.









PROGRAM SANTAI BERSAMA PDRM PUTRAJAYA

IPD Putrajaya, Program Santai antara PDRM dengan para penduduk Presint 14, Putrajaya pad 16 Mac 2017. Maljlis telah diadakan di hadapan Pondok Polis Presint 14, Putrajaya.







TAKLIMAT KESELAMATAN IPD PUTRAJAYA BERSAMA KOMUNITI PUTRAJAYA

Ibupejabat Polis Daerah Putrajaya telah mengadakan Majlis Dialog dan Taklimat Keselamatan Bersama Majlis Perwakilan Penduduk / Ketua-ketua Masyarakat Putrajaya yang diadakan di Lobi IPD Putrajaya pada 4 April 2017.

YDH ACP Rosly Bin Hassan, Ketua Polis Daerah Putrajaya telah menyampaikan taklimat keselamatan kepada komuniti tentang skop jenayah, narkotik dan trafik serta langkah-langkah pencegahan jenayah disamping membuka sesi dialog untuk memberi peluang kepada Pengerusi-pengerusi Subzon untuk perkongsian permasalahan yang dihadapi di kawasan kejiranan mereka. Antara yang hadir ke majlis tersebut adalah YDH Supt. Vijaya Rao A/L Samachulu, Timbalan Ketua Polis Daerah Putrajaya, YBhg. Dato' Haji Nordin Bin Haji Hassan, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pengerusi-pengerusi subzon dan Ketua-Ketua Bahagian.







UJIAN KECEKAPAN MENEMBAK PEMEGANG LESEN SENJATAPI PUTRAJAYA

Seramai 30 orang pemegang lesen senjatapi daerah Putrajaya telah menghadiri Ujian Kecekapan Menembak bertempat di Lapang Sasar IPD Putrajaya pada 25 Februari 2017.

Program yang diadakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran semasa mengendalikan senjatapi disamping dapat mengeratkan jalinan silaturahim antara Polis dan masyarakat. Turut hadir, YDH ACP Rosly Bin Hassan, Ketua Polis Daerah Putrajaya, YDH Supt. Vijaya Rao A/L Samachulu, Timbalan Ketua Polis Daerah Putrajaya dan Ketua-ketua Bahagian.







PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH: PINTAR 2.0 "INTELEK ASUHAN ROHANI"

Program Pendidikan Pencegahan dadah telah dianjurkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan Putrajaya kepada murid Sekolah Rendah yang berumur dari 10 hingga 12 tahun. Terdapat 2 siri program pendidikan telah diadakan iaitu pada 28 - 31 Mac 2017 dan 18 – 21 April 2017 dengan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan W/P Putrajaya.

Program ini dijalankan bertujuan untuk :

- Memberi pengetahuan dan kesedaran mengenai kesan dan bahaya dadah kepada murid sekolah
- Memberi kemahiran *life skills*
- Membuat intervensi kepada murid/pelajar yang berisiko



PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH: SHIELDS "SAYANGI DIRIMU ELAK DERITA SELAMANYA"

Program Pendidikan Pencegahan dadah untuk murid Sekolah Menengah (umur 13 – 17 tahun) telah diadakan pada 11 – 31 Julai 2017. Program ini telah dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan Putrajaya dengan kerjasama Jabatan pendidikan W/P Putrajaya.

Program Pendidikan Pencegahan Dadah diadakan bertujuan untuk :

- Memberi pengetahuan dan kesedaran mengenai kesan dan bahaya dadah kepada pelajar sekolah
- Memberi kemahiran *life skills*
- Membuat intervensi kepada murid/pelajar yang berisiko









PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH: *HOW TO SAY NO TO DRUG*

Program Pendidikan Pencegahan dadah untuk murid Sekolah Menengah yang melibatkan penyertaan 500 orang terdiri daripada pelajar, pengetua, YDB PIBG, guru-guru PPDa dan kaunselor di 11 buah sekolah menengah di pentadbiran WP Putrajaya. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Pendidikan W/P Putrajaya. Program ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 5(1) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 14(1), Putrajaya.

Program ini dianjurkan bagi bertujuan untuk :

- Menyebarluas ilmu pengetahuan dan kesedaran kepada peserta tentang bahaya penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang serta gejala negatif yang berada di persekitaran mereka. Seterusnya, peserta berupaya untuk menolak pengaruh bahaya dadah serta tingkahlaku yang berisiko.

- Memperkasa serta mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan suportif melalui menetapan dasar/ prosedur yang jelas dalam penyediaan penjagaan, kaunseling & sokongan kepada pelajar dan memastikan jalinan kerjasama dikalangan pelajar, guru, ibubapa dan profesional yang berkaitan.



Program Pendidikan Pencegahan Dadah untuk Remaja – 23.11.2017





Program PPDa; "How To Say No To Drug" – 30.10.2017



PROGRAM KELUARGA BEBAS DADAH: *FAMILY ON ALERT*

Program ini dapat memberi pengetahuan dan kesedaran kepada ibu bapa mengenai bahaya penyalahgunaan dadah serta bahan-bahan yang mengkhayalkan. Terdapat 3 siri program telah dijalankan iaitu iaitu pada 12 Mac 2017, 20 Mei 2017 dan 18 Jun 2017.

Objektif program adalah untuk memperkasakan peranan setiap ahli keluarga sebagai faktor pelindung. Program ini dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan Putrajyaa dengan kerjasama PIBG, Badan Politik, JKM, RELA, JKKK, PDRM, NGO's, MPPWP.









PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH: TEMPAT KERJA DI SEKTOR AWAM & SWASTA TEKAD "TEMPAT KERJA BEBAS DADAH"

Program Pendidikan Pencegahan Dadah Di Tempat Kerja di Sektor Awam & Swasta, sejumlah 23 siri TEKAD Awam dan 5 siri TEKAD Swasta telah diadakan sepanjang tahun 2017

Program ini dilaksanakan bertujuan :

- Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada majikan dan pekerja tentang bahaya penyalahgunaan dadah;
- Memberi kemahiran kepada majikan untuk menangani permasalahan dadah di tempat kerja;
- Memberi intervensi kepada pekerja yang berisiko tinggi; dan membantu majikan menangani penyalahgunaan dadah di tempat kerja.

Kerjasama dengan Bahagian Pengurusan, Psikologi JPA/ Bah.Integriti/ Bah.Sumber & Manusia di Kementerian/Jabatan & Agensi.









TEKAD AWAM SIRI 11 – BOMBA : 25.5.2017



TEKAD AWAM SIRI 9 – PPj : 11.5.2017



TEKAD SWASTA SIRI 3 – RADICARE : 19.6.2017

PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH UNTUK BELIA : SMART "SUKSES, MATANG, AKTIF, RASIONAL, TANGGUNGJAWAB"

Program Pendidikan Pencegahan Dadah Untuk Belia (umur 19 - 29 tahun - belia industri) yang berisiko seperti mat rempit, penganggur, mempunyai ahli keluarga penagih dadah, masalah disiplin, terlibat dengan jenayah kecil atau berasal dari keluarga yagng bercerai berai. Sesi Program ini telah diadakan pada 9 – 10 Ogos 2017. Program ini telah dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan Putrajaya dengan kerjasama dengan Majlis Perwakilan Penduduk W/P, Jabatan Perpaduan, Pejabat Belia 4B, Jabatan Kebajikan Masyarakat, NGO's dan lain-lain agensi yang berkaitan

Program pendidikan ini dilaksanakan bertujuan untuk :

Memberi pengetahuan dan kesedaran mengenai kesan dan bahaya dadah kepada masyarakat Meningkatkan penglibatan pemimpin dan masyarakat supaya bersama-sama membenteras dadah









PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH UNTUK MASYARAKAT MELALUI PENDEKATAN KEROHANIAN: MAHABBAH

Program Pendidikan Pencegahan Dadah untuk masyarakat diadakan dengan pendekatan pendidikan kerohanian kepada masyarakat setempat yang tinggal di kawasan berisiko tinggi dan kawasan surau/ masjid/ rumah ibadah yang terletak di dalam kawasan berisiko. Program ini dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan Putrajaya dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk W/P, Jawatankuasa Kerja Masjid, Rukun Tetangga dan NGO's

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran mengenai kesan dan bahaya dadah kepada masyarakat serta meningkatkan penglibatan pemimpin dan masyarakat supaya bersama-sama membenteras dadah.





MAHABBAH SIRI 1 – 18.6.2017



PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH UNTUK AHLI SKUAD AADK

Program Pendidikan Pencegahan Dadah dilaksanakan untuk ahli SKUAD AADK yang bertindak sebagai agen kepada masyarakat untuk memerangi dadah. Peserta-peserta adalah terdiri dari ahli SKUAD yang telah berdaftar di Putrajaya (berumur 18 tahun ke atas) dan komuniti/belia yang berpotensi untuk menjadi mata dan telinga AADK untuk menyebarkan mesej AADK.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran mengenai kesan dan bahaya dadah kepada masyarakat dan meningkatkan penglibatan pemimpin dan masyarakat supaya bersama-sama membenteras dadah







Program Karnival Sukan Rakyat 'Sempena Hari Sukan Negara 2017' – 14.10.2017









Program Riadah dan Family Assiocation (FA) bersama OKP dan SKUAD AADK Putrajaya – 21.10.2017





Program TN50 Bersama Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Dalam Negeri (KDN) – 24.10.2017

PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH UNTUK MASYARAKAT MELALUI MEDIA BERSEMUKA: PAMERAN DAN CERAMAH

Program Pendidikan Pencegahan Dadah untuk masyarakat melalui media bersemuka: Pameran dan Ceramah. Sepanjang tahun 2017, Terdapat 34 Pameran Antidadah dan 40 Ceramah Antidadah telah diadakan. Penganjuran aktiviti pameran dan ceramah adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat tentang kesan dan bahaya dadah serta bahan-bahan yang mengkhayalkan. Selain itu, aktiviti pameran dan ceramah ini juga dapat mempromosikan aktiviti alternatif dan gaya hidup bebas dadah. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak sekolah menengah dan rendah dan agensi yang berkaitan di Putrajaya.





Pameran Statik di SMKA Sempena Minggu PPDa 13.4.2017





Bas Pameran di SMK PP 11(2) 15.8.2017



Pameran Statik di Pej.Kesihatan Putrajaya Sempena Program Riben Merah : 24.5.2017



Bas Pameran & Booth Statik : Sempena Merdeka Ride Festival 2017 8 hgg 10.9.2017



PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH UNTUK MASYARAKAT MELALUI MEDIA BERSEMUKA: PAMERAN DAN CERAMAH





Pameran Statik Sempena Program PPDa; How To Say No To Drug : 30.10.2017




Pameran Statik di SK PP 18(1) Sempena Minggu Kerjaya : 15.11.2017




Ceramah Bahaya Dadah; Meniti Remaja Di SRA An-Najah - 23.10.2017






Pameran Statik Sempena Hari Psikologi & Inovasi di KETTHA : 7.11.2017

UJIAN SARINGAN AIR KENCING DI SEKOLAH










OPERASI PENGUATKUASAAN PENCEGAHAN DADAH











MEMPERKASAKAN TINDAKAN TERHADAP ADUAN YANG DITERIMA

1) Aktiviti risikan :
   - (berasas/tidak berasas)
   - maklumat tambahan

2) Operasi menahan suspek

3) Membuat rondaan berkala 2 kali sebulan

4) Membuat edaran flyers kepada orang awam mengenai saluran aduan yang boleh dibuat mengenai penyalahgunaan dadah dan pengedaran.

Antara sasaran lokasi operasi









PROGRAM RAWATAN, PERUBATAN DAN PEMULIHAN



Pertandingan Futsal Sempena Kenduri Wilayah Persekutuan Pada 25 Februari 2017



Program Kerohanian: IHYA Ramadhan & Majlis Bacaan Yassin pada 23 Mei 2017

PROGRAM RAWATAN, PERUBATAN DAN PEMULIHAN DADAH



Program Pendidikan Kesihatan "HIV & Aids" Oleh Jab. Kesihatan W/P Putrajaya
Pada 15 November 2017



Program Pembangunan Keluarga & Terapi Minda Di Sg.Congkak pada 21 Oktober 2017

PROGRAM CERAMAH KESELAMATAN KEBAKARAN

Program Ceramah Keselamatan Kebakaran ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya untuk memberi kesedaran kepada semua penghuni dalam bangunan betapa pentingnya mengetahui perkara-perkara asas dalam asas keselamatan kebakaran.

Di dalam program ini peserta akan diberi penerangan mengenai perkara asas kejadian api, tatacara mengawal kebakaran di peringkat permulaan dan pencegahan – pencegahan yang boleh diambil semasa berada didalam bangunan. Melalui program ini juga para peserta akan diajar teknik penggunaan alat pemadam api dan juga cara – cara melawan kebakaran menggunakan alat pemadam api dengan betul. Berikut merupakan antara premis bangunan yang telah menjemput pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Putrajaya menerusi Balai Bomba Dan Penyelamat Putrajaya untuk menjaya kempen keselamatan kebakaran di dalam premis:



Program ceramah keselamatan Kebakaran di Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB) yang telah diadakan pada 13 Mei 2016 dengan jumlah peserta 50 orang





Program ceramah keselamatan kebakaran di Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah diadakan pada 17 Oktober 2016 dengan jumlah peserta 30 orang





Program ceramah keselamatan kebakaran di Herriot Watt University yang telah diadakan pada 16 Mac 2016 dengan jumlah peserta 30 orang

PROGRAM LATIHAN *FIRE DRILL*

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menjalankan Program *Fire Drill* bertujuan untuk membimbing peserta supaya :

- Penghuni-penghuni yang diancam oleh kebakaran boleh bertindak mengikut prosedur dengan tenang dan teratur.
- Melatih pegawai dan petugas-petugas kebakaran yang dilantik boleh menjalankan tugas-tugas yang diberikan dengan sempurna dan betul.
- Perancangan tindakan jalan keluar dari bangunan berjaya dilaksanakan dengan cepat dan teratur.
- Jalan-jalan laluan keluar dan tangga-tangga keselamatan *(main of escape)* digunakan mengikut kaedah-kaedah yang telah dirancang
- Dapat menguji keupayaan dan keberkesanan bertindak peralatan kebombaan yang sedia ada pada sesebuah bangunan tersebut.



Latihan "fire drill" di Perbadanan Putrajaya pada 20 April 2016



Latihan "fire drill" di Putrajaya Holding pada 15 Mei 2016







Latihan "fire drill" di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 8 Disember 2016



Latihan "fire drill" di Bangunan MAMPU JPM Putrajaya pada 29 September 2016





Latihan "fire drill" di Alamanda Putrajaya pada 22 April 2016





Latihan "fire drill" di Tadika Children Islamic Centre CIC Presint 11A pada 11 April 2016





Latihan "fire drill" di S.K Putrajaya Presint 17 (1) pada 22 April 2016









Latihan "fire drill" bersama JBPM Putrajaya dijalankan di Blok D4, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Blok D1, D2 & D9 Kementerian Dalam Negeri pada 22 Disember 2017





Latihan "fire drill" di Istana Kehakiman Putrajaya pada 18 Disember 2017





Latihan "fire drill" di Sekolah Islam Integrasi Al-Faizeen Putrajaya, Presint 18 pada 12 Oktober 2017

PERBADANAN PUTRAJAYA

BANDAR SELAMAT

PROGRAM & AKTIVITI KESELAMATAN JALAN RAYA



PROGRAM PERONDA LINTASAN SEKOLAH (PLS)


Program Kawalan Trafik telah dilaksanakan oleh *Task Force* Bandar Selamat. Program Peronda Lintasan Pejalan Kaki telah bermula dari 5 April 2017 di Tujuh (7) buah Sekolah berisiko tinggi di Putrajaya dengan kekuatan seramai Lapan (8) Anggota Penguat Kuasa Sambilan di bawah seliaan Bahagian Penguat Kuasa PPj. Sekolah yang terlibat terdiri dari :

a. SK Putrajaya P8(2)-1 anggota
b. SK Putrajaya P9(1)-1 anggota
c. SK Putrajaya P14(1)- 2 anggota
d. SK Putrajaya P18(1)- 1 anggota
e. SK Putrajaya P8(1) -1 anggota
SK Putrajaya P11(3)- 1 anggota
SK Putrajaya P17(1) -1 Anggota

Penugasan Angggota beruniform lengkap dilokasi bermula dari Jam 6.30pg.-8.00pagi (bermula Sesi Sekolah) dan 12.30tgh-2.00 petang (Tamat Sesi Sekolah).

- Program ini bertujuan mengurangkan risiko Kemalangan khususnya kepada murid-murid Sekolah yang berjalan kaki ke Sekolah. Selain itu, program ini juga bertujuan mendidik ibubapa dan murid-murid untuk berhemah semasa menggunakan Jalan raya dan mengikuti peraturan-peraturan Keselamatan Jalan raya yang telah ditetapkan.

- Program ini juga telah mendapat reaksi positif dikalangan ibubapa dan orang awam. Kini lebih ramai murid-murid dan ibubapa yang menghantar anak-anak mereka menggunakan Perkhidmatan ini.





KURSUS PERONDA LINTASAN SEKOLAH

Kursus Peronda Lintasan Sekolah dianjurkan bagi tujuan melatih Anggota Penguat Kuasa Sambilan, Guru Sekolah dan Pengawal Keselamatan Sekolah yang terlibat dalam mengendalaikan Lintasan Sekolah.

Dua (2) Kursus telah dilaksanakan sepanjang 2017 yang melibatkan seramai 30 orang peserta.

Dalam Kursus ini, peserta di dedahkan kepada aspek Keselamatan ketika melintas Jalan,peraturan-peraturan Keselamatan Jalan raya dan peruntukan undang-undang bagi Perlaksanaan tanggungjawab sebagai Peronda Lintasan Sekolah.

- Kursus ini mendedahkan kepada peserta Peraturan Keselamatan Jalan Raya, Peralatan bertugas, tatacara menjalankan tugas dan kuasa-kuasa yang ada pada eorang Peronda Lintasan Sekolah. Kedua-dua kaedah Ceramah dan *Hands-on* digunakan semasa kursus ini.

- Kursus ini secara tidak langsung memberikan keyakinan dan kemahiran kepada Peronda Lintasan Sekolah untuk berhadapana dengan situasi sebenar semasa menjalankan tugas di lapangan.







BENGKEL PEMBANGUNAN PROGRAM KESELAMATAN JALAN RAYA

Bengkel Sehari ini dianjurkan bagi mendapatkan cadangan/pandangan dari agensi-agensi berkaitan Keselamatan Jalan raya dalam usaha membangunkan program/aktiviti yang bermenafaan untuk dilaksanakan pada tahun 2018-2020.

JKJR, JPJ, MIROS, Bahagian Trafik IPD Putarajaya, JPWPP, PIBG dan PPj telah menghantar wakil ke bengkel tersebut yang turut disertai oleh satu (1) agensi swasta (UMW Oil & Gas Sdn Bhd).

Empat (4) Segmen Utama dibincangkan terdiri dari :

- PENDIDIKAN DAN PROMOSI
- PENGUATKUASAAN DAN TINDAKAN
- PRASARANA JALAN RAYA
- PEMBANGUNAN KEPAKARAN & LATIHAN

Sebanyak 30 cadangan telah dihasilkan dalam bengkel ini dan akan dijadikan asas kepada perbincangan selanjutnya dalam pembentukan Program/aktiviti yang lebih berimpak tinggi untuk dilaksanakan di Putrajaya sepanjang 2018-2020.







PAMERAN KESELAMATAN JALAN RAYA

Pelbagai program pameran ini dilaksanakan oleh Unit Keselamatan Jalan Raya, Bahagian Penguat kuasa PPj dengan kerjasama JKJR dan agensi-agensi lain yang berkaitan di Putrajaya. Antara program yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Majlis Perasmian Bilik Gerakan MOF (27/09/17)
- Program "Safer Route to School" LA21(26/03/17)
- Jom Balik Kampung (Hari Raya) (20/06/17)
- Karnival Komuniti dan Sukan Air 2017(06-08/10/17)

Pencapaian dinilai melalui jumlah penyertaan pengunjung yang hadir ke gerai Pameran dan menyertai Kuiz Keselamatan Jalan raya yang diadakan pada setiap pameran. Pameran dan khidmat nasihat semasa acara turut mengendalikan pelbagai aduan dan cadangan dari pengunjung.



PROGRAM Smart DeCARE

Program Keselamatan Jalan Raya yang dianjurkan bersama dengan agensi kerajaan, swasta dan sekolah. Program ini memberi pendedahan berhubung pengenalan asas berkaitan keselamatan ketika berada di jalan raya dan pembelajaran tanda-tanda keselamatan jalan raya secara teori dan praktikal. Di antara program program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- Program Smart Decare bersama SMK Kiara Mas pada 3 Mei 2017
- Program Smart Decare bersama UMW OIL & GAS pada 5 Oktober 2017
- Program Smart Decare bersama DENSO (M) 14 Disember 2017









PROJEK FIZIKAL BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA

PEMBANGUNAN PONDOK BIT POLIS DI BANGUNAN PUSAT PELAWAT, PRESINT 15

Pembangunan Pondok Bit Polis adalah bertujuan membantu pihak polis untuk menjalankan operasi pemantauan yang lebih efektif di kawasan sekitar kawasan kediaman dan komesil di Presint 14 & 15, Putrajaya. Majlis Perasmian dan Pelancaran Pondok Bit Polis Presint 15 telah diadakan pada 23 Jun 2017.

Pembangunan Pondok Bit Polis di Presint 15 ini diharap dapat memudahcarakan pihak polis membuat pemantauan dan rondaan di kawasan terutamanya Presint 14 dan Presint 15, Putrajaya yang semakin pesat membangun sebagai kawasan kediaman dan komersial di Putrajaya.













Pembangunan Pondok Bit Polis di bangunan Pusat Pelawat, Presint 15 Putrajaya

PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN DI LALUAN-LALUAN TIKUS DI PUTRAJAYA

Pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya telah mengenal pasti beberapa kawasan di sekitar Putrajaya yang dipercayai sebagai laluan-laluan tikus pendatang asing dan penceroboh. Susulan itu, langkah-langkah pemasangan pagar keselamatan di lokasi laluan-laluan tikus di sekitar Putrajaya telah dilaksanakan pada tahun 2017 secara berperingkat.

Projek pemasangan pagar keselamatan di laluan tikus di Putrajaya ini dapat mengurangkan kes jenayah pecah rumah terutamanya di kawasan perumahan di Putrajaya. Selain daripada itu, penutupan lorong tikus ini akan membolehkan pihak polis menangkap penjenayah dengan lebih efektif kerana pihak penjenayah mempunyai laluan yang terhad untuk melarikan diri sekiranya dikesan oleh pihak polis.



Antara Laluan-laluan Tikus Yang Dikenal pasti Oleh Pihak IPD Putrajaya Di sekitar Putrajaya







Pemasangan Pagar (Jenis Guard Rail) Sepanjang 4 meter
Di Kawasan Perumahan Jalan P11C/10, Presint 11, Putrajaya





Pemasangan Pemagaran Keselamatan (Jenis Anticlimb) sepanjang 64.8 meter Di Kawasan Pangsapuri Putra Damai, Jalan P11G, Presint 11, Putrajaya











Pembaikan pagar (Jenis Chainlink) yang rosak di kawasan perumahan 14D dan 14E, Presint 14, Putrajaya disebabkan oleh pencerobohan lembu-lembu di sepanjang rentis TNB.



Pemasangan pagar (Jenis Chainlink) di PT3930 (Zon 8F),
Presint 11, Putrajaya yang bersempadanan dengan Cyberjaya, Selangor.

PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN DI KAWASAN PERUMAHAN DI PUTRAJAYA

Pemasangan pagar keselamatan di kawasan perumahan telah dibangunkan melalui inisiatif pembangunan Projek Fizikal Bandar Selamat dari tahun 2015, 2016 hingga tahun 2017. Pemasangan pagar keselamatan di kawasan perumahan di Putrajaya ini adalah dibina mengikut keperluan untuk mengurangkan kes-kes jenayah berdasarkan kepada data statistik indeks jenayah dari pihak IPD Putrajaya dan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS), lokasi pemasangan pagar melibatkan kawasan *hotspot* jenayah pecah rumah di sekitar Putrajaya.

Lokasi kawasan pemasangan pagar keselamatan di kawasan perumahan adalah merangkumi kawasan sekitar Presint 9 (Tahun 2015) serta Presint 10 dan Presint 15 Putrajaya (Tahun 2016)



Pemasangan Pagar Keselamatan Di Kawasan Perumahan Untuk Mencegah Jenayah Pecah Rumah Di Putrajaya



Pemasangan pagar keselamatan (jenis Anti-Climb Fence)
di Kawasan Perumahan Presint 9,
Putrajaya Pada Tahun 2015







PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN DI KAWASAN PERUMAHAN PRESINT 10, PUTRAJAYA





Pemasangan pagar keselamatan (jenis Anti-Climb Fence) melalui sumbangan "Corporate Social Responsibility" (CSR) dari IRIS Corporation Berhad" di Kawasan Perumahan Presint 10, Putrajaya Pada Tahun 2016

PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN DI KAWASAN PERUMAHAN PRESINT 10, PUTRAJAYA





PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN DI KAWASAN PERUMAHAN 15, PUTRAJAYA





Pemasangan pagar keselamatan (jenis Anti-Climb Fence) melalui sumbangan "Corporate Social Responsibility" (CSR) dari Putrajaya Holdings Sdn. Bhd di Kawasan Perumahan Presint 15, Putrajaya Pada Tahun 2016.

PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN DI KAWASAN PERUMAHAN 15, PUTRAJAYA



Pemasangan pagar keselamatan (jenis Anti-Climb Fence) melalui sumbangan "Corporate Social Responsibility" (CSR) dari Putrajaya Holdings Sdn. Bhd di Kawasan Perumahan Presint 15, Putrajaya Pada Tahun 2016.







Pembangunan Pagar (Jenis Chainlink) Sepanjang 270 Meter Di Kawasan Perumahan 15H, Presint 15, Putrajaya pada tahun 2017



PEMBINAAN TEMPAT LETAK MOTOSIKAL BERKUNCI DI PUTRAJAYA



Pembinaan tempat motosikal berkunci ini dibangunkan melalui inisiatif pembangunan Projek Fizikal Bandar Selamat pada tahun 2014 dan 2015. Perlaksanaan tempat letak motorsikal berkunci ini meliputi kawasan *hotspot* jenayah kecurian motosikal. Lokasi perlaksanaannya berdasarkan kepada data statistik indeks jenayah dari pihak IPD Putrajaya dan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS).

Kemudahan tempat letak motorsikal berkunci telah ini dibina di kawasan pembangunan perumahan dan komersial yang meliputi Presint 8, Presint 9, Presint 11, Presint 15 dan Presint 16, Putrajaya.



Pembinaan Tempat Letak Motosikal Berkunci Di Pusat Komersial Presint 8





Pemasangan Tempat Letak Motosikal Berkunci
Di Kawasan Apartmen Putra Harmoni Di Presint 9





Pemasangan Tempat Letak Motosikal Berkunci
Di Kawasan Apartmen Putra Damai Di Presint 11







Pemasangan Tempat Letak Motosikal Berkunci
Di Pusat Separa Komersial Di Presint 15
(Presint Diplomatik)







Pemasangan Tempat Letak
Motosikal Berkunci
Di Pusat Separa Komersial
Di Presint 16

PEMASANGAN PAPAN TANDA AMARAN JENAYAH DI PUTRAJAYA

Pemasangan Papan Tanda Amaran Jenayah ini telah dilaksanakan melalui inisiatif pembangunan Projek Fizikal Bandar Selamat pada tahun 2014 dan 2015. Pembinaan Papan Tanda Amaran Jenayah ini meliputi kawasan *hotspot* jenayah kecurian motosikal. Lokasi pemasangan adalah berdasarkan kepada data statistik indeks jenayah dari pihak IPD Putrajaya dan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS).

Kemudahan papan tanda amaran jenayah ini dipasang di kawasan pembangunan perumahan dan komersial yang merangkumi kawasan sekitar Presint 5 , Presint 8, Presint 9, Presint 11, Presint 15 dan Presint 16, Putrajaya.



Papan Tanda Amaran Jenayah Di PICC Presint 5



Papan Tanda Amaran Jenayah Di Pusat Komersial Kejiranan Presint 8



Papan Tanda Amaran Jenayah Di Presint 9



Papan Tanda Amaran Jenayah Di Presint 15



Papan Tanda Amaran Jenayah Di Presint 16



Papan Tanda Amaran Jenayah Di Presint 11

PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN DI LALUAN PEJALAN KAKI

Pemasangan pagar keselamatan di laluan pejalan kaki adalah melalui inisiatif pembangunan Projek Fizikal Bandar Selamat pada tahun 2014 dan 2015. Penyediaan kemudahan pagar keselamatan di laluan pejalan kaki adalah bertujuan untuk mengurangkan kes ragut di Putrajaya. Lokasi pemasangan pagar keselamatan adalah berdasarkan kepada data statistik indeks jenayah dari pihak IPD Putrajaya dan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS).

Pemasangan pagar keselamatan laluan pejalan kaki dipasang di kawasan pembangunan perumahan dan komersial yang meliputi Presint 1 dan Presint 9, Putrajaya.





Pemasangan Pagar Keselamatan di Laluan Pejalan Kaki di Lebuh Perdana Barat, Presint 9, Putrajaya









Pemasangan Pagar Keselamatan di Laluan Pejalan Kaki di kawasan Kompleks Membeli-Belah Alamanda, Presint 1, Putrajaya

PEMASANGAN CERMIN KESELAMATAN DI KAWASAN KOMERSIAL DAN TEROWONG PEJALAN KAKI

Pemasangan cermin keselamatan di kawasan komersial dan terowong pejalan kaki dilaksanakan melalui inisiatif pembangunan Projek Fizikal Bandar Selamat pada tahun 2014 dan 2015. Penyediaan kemudahan cermin keselamatan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kes ragut di Putrajaya. Lokasi pemasangan pagar keselamatan adalah berdasarkan kepada data statistik indeks jenayah dari pihak IPD Putrajaya dan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS).

Pemasangan cermin keselamatan di kawasan pembangunan perumahan dan komersial di Presint 9, Putrajaya.





Pemasangan cermin keselamatan di laluan pejalan kaki kawasan komersial dari Presint 9, Putrajaya





Pemasangan Cermin Keselamatan Di Terowong pejalan kaki Presint 8, Putrajaya



Pemasangan Cermin Keselamatan Di Terowong pejalan kaki Dari Presint 9 Ke Presint 11, Putrajaya






Pemasangan Cermin Keselamatan Di Terowong pejalan kaki Dari Presint 8 ke Presint 10, Putrajaya

KESELAMATAN PERBANDARAN DI BAWAH INISIATIF BANDAR PINTAR PUTRAJAYA


SEMINAR
PENGURUSAN
DISIPLIN MURID

KESELAMATAN PERBANDARAN DI BAWAH INISIATIF BANDAR PINTAR PUTRAJAYA

Terdapat pelbagai Inisiatif Bandar Pintar yang dilaksanakan di Putrajaya untuk tujuan keselamatan perbandaran merangkumi *Putrajaya Commad Center, Smart CCTV, Panic Button, Putrajaya Mobile Apps* dan *Integrated Public Display System.*

Putrajaya Command Center sedang dalam proses dinaiktaraf dan dijangka disiapkan pada Jun 2018. Ia diintegrasikan dengan 230 CCTV dan *Panic Button.*

Terdapat lebih kurang 230 CCTV yang sedang dipasang dan dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada bulan April 2018. Terdapat tambahan 200 unit CCTV akan dipasang pada tahun 2019. Kesemua CCTV ini diintegrasikan di antara *Putrajaya Command Center* dengan Ibu Pejabat Polis Putrajaya.

Kemudahan *Panic Button* akan disediakan mengikut fasa di mana sebanyak 39 unit disediakan pada fasa 1 dan 40 unit disediakan pada fasa ke-2. Keperluan penyediaan kemudahan inisiatif Bandar Pintar ini telah dijadikan sebagai syarat dalam Kebenaran Merancang untuk kelulusan sesuatu pembangunan di Putrajaya.



Kemudahan "Panic Button"






"Putrajaya Command Center" yang dilengkapi dengan teknologi terkini yang merangkumi "Fine Pitch LED Video Wall System", "Intelligent White Board" dan "Full HD Digital Display"

NAIK TARAF *PUTRAJAYA COMMAND CENTER* DI PUTRAJAYA



Kemudahan "Putrajaya Command Center" yang terletak di Kompleks Perbadanan Putrajaya



PENYEDIAAN KEMUDAHAN *SMART CCTV* DI PUTRAJAYA





"Smart Full HD" CCTV



Keupayaan "Zooming"



Keupayaan Merakam Dalam Keadaan Malam


PENYEDIAAN PUTRAJAYA *MOBILE APP*

Perbadanan Putrajaya sedang dalam proses menyediakan *Putrajaya Mobile Apps* yang mempunyai fungsi seperti *Panic button* pada telefon bimbit.

Sekiranya pihak awam di Putrajaya mengalami situasi kecemasan, mereka boleh menekan *panic button* di dalam aplikasi telefon bimbit. Dengan ini, pihak *Putrajaya Command Center* akan dapat mengenal pasti lokasi pemanggil dan bantuan kecemasan akan dapat diberi dengan segera.



Putrajaya Mobile App



Panggilan Kecemasan yang terpapar pada Skrin "Putrajaya Command Center"

SETINGGI PENGHARGAAN

Perbadanan Putrajaya dengan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Jawatan Kuasa *Task Force* Bandar Selamat dan *Focus Group* Bandar Selamat Putrajaya yang merangkumi :

- KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
- KEMENTERIAN DALAM NEGERI
- KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN NEGARA
- KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
- PERBADANAN PUTRAJAYA
- IBU PEJABAT POLIS DAERAH PUTRAJAYA
- HOSPITAL PUTRAJAYA
- JABATAN KERJA RAYA PUTRAJAYA (JKR)
- JABATAN PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL PUTRAJAYA
- JABATAN PELAJARAN PUTRAJAYA
- JABATAN PERTAHANAN AWAM
- JABATAN AGAMA ISLAM WP PUTRAJAYA
- JABATAN IMIGRESEN PUTRAJAYA
- JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA (JPJ)
- JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA (JKJR)
- JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
- JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA DAERAH PUTRAJAYA
- JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLAN MALAYSIA)
- UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
- INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALANRAYA MALAYSIA (MIROS)
- AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA
- ANGKATAN PERTAHANAN AWAM DAERAH PUTRAJAYA
- PEJABAT RELA DAERAH PUTRAJAYA
- PEJABAT KESIHATAN PUTRAJAYA
- PEJABAT RELA DAERAH PUTRAJAYA
- PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO)
- YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF)
- CUEPACS
- MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WP (MPPWP)
- MAJLIS PEMUAFAKATAN PIBG SEKOLAH-SEKOLAH PUTRAJAYA
- MAJLIS KESELEMATAN NEGARA (MKN)
- BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH, JPM

URUS SETIA *TASK FORCE* BANDAR SELAMAT:

DATO' FADLUN MAK UJUD
NAIB PRESIDEN JABATAN PERANCANGAN BANDAR

NORZITA ABDUL RAZAK
PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN MAMPAN

SEKSYEN BANDAR SELAMAT
SIM EE CHAI
MEGAT SHARUL BADRI
ABDUL HARIS MD. YUSOF
AHMAD AMIRUL MUSTAFA

No. Telefon. : 03-88877050. No. Faksimile. : 03-8875000.
E-mel. : ppjonline@ppj.gov.my. Laman Web. : www.ppj.gov.my.

CATATAN

CATATAN